



IKLAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) KEMENTERIAN LUAR NEGERI, PUTRAJAYA

1. Jabatan Khidmat Pengurusan, Kementerian Luar Negeri ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) seperti berikut:

- a) **JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Pegawai Sistem E-Inspektorat
- b) **AGENSI / KEMENTERIAN** : Kementerian Luar Negeri, Putrajaya
- c) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Bahagian Inspektorat
- d) **KADAR UPAH** : RM 100.00 sehari

2. DESKRIPSI TUGAS

- a) mengemaskini segala maklumat kelulusan berkaitan ke dalam sistem e-Inspektorat berdasarkan kepada modul yang berkaitan;
- b) membantu pegawai dalam urusan memfail maklumat kelulusan (persekolahan, tiket penerbangan pegawai, pengangkutan barang-barang dan sebagainya);
- c) penugasan-penugasan terperinci lain yang termaktub dalam peruntukan PP3/2013 - Dasar dan Peraturan Khidmat Luar Negeri dan SPA 2/2018 - Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Luar Negeri (SPKM);

3. SYARAT LANTIKAN

Calon – calon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Memiliki kelayakan akademik seperti berikut :-
 - Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Memiliki Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. KAEDAH PERMOHONAN

- a) Mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - i) *Curriculum Vitae (CV)*,
 - ii) gambar berukuran paspot terkini,
 - iii) salinan kad pengenalan;
 - iv) salinan sijil-sijil tamat pengajian lengkap dengan transkrip ke alamat emel syarkawi@kln.gov.my;
- b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah diberikan tajuk 'Pekerja Sambilan Harian' pada subjek emel tersebut;
- c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan
- d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 Oktober 2020**.